



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

**SIARAN MEDIA**

**PEMBUKAAN OPERASI BILIK GERAKAN BANJIR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah membuka Bilik Gerakan Banjir dan menggerakkan semua operasi di semua peringkat bagi membantu warga petani, peladang, penternak dan nelayan yang terjejas akibat banjir yang telah melanda beberapa negeri terutama di sekitar Lembah Klang dan negeri lain yang turut terjejas.
2. Kementerian juga telah mengarahkan semua Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi MAFI untuk memastikan Bilik Gerakan Negeri/Daerah segera dibuka dan mengaktifkan operasi bantuan banjir kepada kesemua golongan sasaran yang terkesan termasuk melalui MAFI Prihatin.
3. Kementerian turut memberi jaminan bahawa bekalan makanan tidak akan terjejas dan akan memastikan ianya sentiasa mencukupi bagi menampung keperluan orang ramai dalam apa jua keadaan.
4. Pihak Kementerian berserta Jabatan dan Agensi dibawahnya juga sentiasa berada dalam keadaan siap siaga, selain turut berkerjasama secara bersepadu dengan pasukan keselamatan dan pihak NADMA termasuk pasukan sukarelawan dan NGO dalam memberikan bantuan segera kepada mangsa-mangsa banjir.
5. Orang ramai dimohon untuk menghubungi Bilik Gerakan MAFI ditalian 038701664/1491 atau email [bilikgerakan@mafi.gov.my](mailto:bilikgerakan@mafi.gov.my) untuk mendapatkan maklumat berkaitan pembukaan dan pengoperasian bilik gerakan bantuan banjir untuk sektor pertanian dan industri makanan.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
19 DISEMBER 2021**